Pengenalan

Program Penulisan Kreatif menawarkan kursus yang menjurus lebih kepada bidang penulisan mengikut arus perkembangan terkini dengan menawarkan kursus penulisan kreatif yang menggalakkan apresiasi sastera. Secara tidak langsung ia turut memartabatkan sastera Borneo melalui penawaran kursus Sastera Rakyat Borneo. Selain itu, pembelajaran yang melatih pelajar bukan sahaja cara pemikiran kreatif tetapi kritikal juga penting untuk kerjaya pelbagai bidang dalam industri kreatif. Sejajar itu program penulisan menyeimbangkan pembelajaran secara teori dan praktikal dengan projek pemasaran, kerja lapangan, persembahan "live" dan projek akhir dalam platform media sosial yang dapat membantu kemahiran komunikasi pelajar. Justeru program Penulisan Kreatif di ASTiF menawarkan 'bench mark' yang mempunyai kelebihan dan potensi memantapkan kurikulum penulisan di IPTA yakni UMS di Borneo, Malaysia.

Prospek Kerjaya

Pensyarah, Novelis, penyair, wartawan, editor, penulis skrip, penyusun teks, penyampai radio, penyampai berita, pembaca pruf, pegawai media, perancang media, pengurus majlis, pengacara majlis, penerbit rancangan, pegawai kebudayaan, pegawai/eksekutif media, panel penilai sastera, pegawai tadbir urus, perunding karya/penerbitan, penulis teks ucapan, penulis kandungan iklan, pegawai pemasaran karya kreatif, pencipta kandungan kreatif dan pegawai pemasaran kreatif.

Lawati Kami



Akademi Seni dan Teknologi Kreatif,
Universiti Malaysia Sabah
Jalan UMS, 88400 Kota Kinabalu,
Sabah, Malaysia



088-320 000
088-215 000



Emel : pejastif@ums.edu.my
Emel : astifprasiswazah@ums.edu.my



www.ums.edu.my/astif




UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH



Akademi Seni dan Teknologi Kreatif
Universiti Malaysia Sabah

IJAZAH SARJANA MUDA PENULISAN KREATIF



SENI MERENTAS GLOBAL

SYARAT KEMASUKAN

Lepasan Matrikulasi/Asasi

Lulus Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) / Setaraf dengan mendapat kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Melayu/Bahasa Malaysia ATAU Bahasa Melayu/ Bahasa Malaysia Kertas Julai;

Dan

Lulus Matrikulasi KPM/ Asasi Seni Persembahan/ Setaraf mendapat sekurang-kurangnya PNGK 2.00;

Dan

Mendapat sekurang-kurangnya BAND 2.0 untuk keputusan yang diperolehi mulai sesi 1 Tahun 2021 ATAU BAND 2 untuk keputusan Tahun 2020 dan sebelum dalam Malaysian University English Test (MUET) mengikut tempoh sah laku pada tarikh permohonan.

Lepasan Diploma


Memiliki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)/ setaraf dengan mendapat kepujian dalam Bahasa Melayu dan lulus dalam mata pelajaran Sejarah mulai tahun 2013;

Dan

Mempunyai diploma yang diiktiraf oleh Senat Universiti Malaysia Sabah dari Institusi Pendidikan.

Dan

Mendapat sekurang-kurangnya Band 2.0 dalam Malaysian University English Test (MUET) untuk peperiksaan yang bermula Sesi 1 tahun 2021 ATAU Band 2 untuk peperiksaan sehingga tahun 2020 mengikut tempoh sah laku pada tarikh permohonan.



Lepasan STPM/Setaraf

Mendapat sekurang-kurangnya Gred C (NGMP 2.00) dalam salah satu mata pelajaran Bahasa Melayu/ Kesusasteraan Melayu dan dua (2) mata pelajaran lain di peringkat STPM.

ATAU

Mendapat sekurang-kurangnya Gred C (NGMP 2.00) dalam salah satu mata pelajaran Bahasa Melayu/ Kesusasteraan Melayu dan dua (2) mata pelajaran lain di peringkat STPM bagi aliran sains

Dan

Mendapat sekurang-kurangnya Gred B pada peringkat SPM dalam mata pelajaran Bahasa Melayu

Dan

Lulus dalam mata pelajaran Sejarah

ATAU

Mendapat sekurang-kurangnya pangkat Jayyid dalam peperiksaan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM)

Dan

Mendapat sekurang-kurangnya Gred B pada peringkat SPM dalam mata pelajaran Bahasa Melayu

Dan

Lulus dalam mata pelajaran Sejarah

Dan

Mendapat sekurang-kurangnya Band 2.0 dalam Malaysian University English Test (MUET) untuk peperiksaan yang bermula Sesi 1 tahun 2021 ATAU Band 2 untuk peperiksaan sehingga tahun 2020 mengikut tempoh sah laku pada tarikh permohonan